

## PERKAHWINAN DENGAN PEREMPUAN *KITABIYAH*



ENAKMEN MUFTI DAN FATWA (KEDAH DARUL AMAN) 2008  
PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SEKSYEN 24

### PERKAHWINAN DENGAN PEREMPUAN *KITABIYAH*

Menurut seksyen 21 Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 [*Enakmen No. 10 Tahun 2008*], Jawatankuasa Fatwa dan atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

#### JADUAL

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darul Aman yang bersidang pada 4 April 2021, telah membincangkan perkara berkenaan dengan perkahwinan dengan perempuan *Kitabiyah* dan telah memutuskan fatwa untuk diguna pakai di Negeri Kedah adalah seperti yang berikut:

1. "*Kitabiyah*" ertinya;
  - (a) seorang perempuan daripada keturunan Nabi Yaakub yang berpegang kepada Kitab Taurat dan Kitab Injil; atau
  - (b) seorang perempuan Yahudi daripada keturunan orang Yahudi sebelum Nabi Isa menjadi Rasul; atau
  - (c) seorang perempuan Nasrani daripada keturunan orang Nasrani sebelum Nabi Muhammad menjadi Rasul.
2. Hukum mana-mana lelaki berkahwin dengan mana-mana perempuan *Kitabiyah* adalah **harus** dan **sah** menurut Hukum Syarak.

3. Hukum mana-mana lelaki berkahwin dengan mana-mana perempuan Yahudi atau Nasrani yang bukan *Kitabiyah* adalah haram.

*[(78)dIm.JMNK(F)603 Jld. 2; PUN(KD) 600-1/5/3(5)]*

*Tarikh Warta : 20 Januari 2022*

*Tarikh Keputusan : 4 April 2021*